

UMS TUMPU PENYELIDIKAN BERSIFAT GUNAAN

BERITA HARIAN (28.10.1999)

UMS tumpu penyelidikan bersifat gunaan

KOTA KINABALU, Rabu - Universiti Malaysia Sabah (UMS) akan menumpukan program akademik serta penyelidikan bersifat gunaan yang boleh dimanfaatkan untuk membangunkan masyarakat.

Naib Canggeler UMS, Prof Datuk Dr Abu Hassan Osman, berkata sejarah dengan itu, setiap penyelidik dan saintis di universiti itu memfokuskan kajian mereka kepada mencapai matlamat itu.

Sebagai contoh, katanya, dua pusat penyelidikan iaitu Unit Biologi Tropika dan Pemuliharaan (UBTP) serta Unit Penyelidikan Marin Borneo (UPMB) diwujudkan sebagai pusat kecemerlangan universiti itu.

Menurutnya, UBTP bertanggungjawab menjalankan kajian ekosistem daratan dan air tawar serta mempelopori beberapa kajian untuk mempertingkat pengetahuan mengenai kepelbagaian biologi di kepulauan Borneo khususnya di Sabah.

Katanya, koleksi rujukan Borneensis yang sedang dibina, bakal menjadi khasanah negeri dan negara berharga pada masa depan, selain menggunakannya dalam mengembangkan ka-

jian fitokimia.

"Pelbagai tumbuhan dalam hutan tropika negeri akan dikaji kemampuannya bukan sahaja sebagai tumbuhan perubatan dan sumber dadah, tetapi juga untuk tanaman hiasan dan sumber genetik bagi kegunaan tempatan," katanya berucap pada Simposium Sumber Genetik Borneo di sini, semalam.

Dr Abu Hassan berkata, UPMB pula menjalankan beberapa kajian yang didapati boleh dimajukan secara komersil dan digunakan untuk mempertingkat keduakan sosio ekonomi masyarakat setempat khususnya di Sabah.

Antara kajian itu ialah memperkembang jenis ikan kerapu yang dikenali sebagai kerapu tikus melalui perternakan dalam kurungan, selepas didapati ikan itu boleh dipelihara untuk menghasilkan saiz lebih besar daripada sedia ada sehingga menambahkan lagi nilai ekonominya.

Menurutnya, kajian lain ialah penyelidikan rumput laut apabila unit itu mendapat perairan luas di Sabah membolehkan perusahaan secara besar-besaran dapat dilaksanakan, sekali gus

membantu golongan nelayan dan kelompok rakyat termiskin di negeri ini memperolehi pendapatan lumayan.

Daripada sudut pengajaran akademik pula, Abu Hassan memberi contoh kajian gunaan pada Sekolah Sains dan Teknologi yang menjalankan program teknologi tumbuhan, biologi pemuliharaan, fiziks dan elektronik, kimia industri, sains sekitaran, geologi, matematik, ekonomi dan bioteknologi.

Sementara kampus cawangan universiti itu di Wilayah Persekutuan Labuan pula menawarkan program kewangan antarabangsa, perbankan luar pesisir, pemasaran antarabangsa, ekonomi kewangan antarabangsa serta teknologi multimedia, sesuai dengan taraf pulau itu sebagai Pusat Kewangan Pesisir Antarabangsa.

"Walaupun perhatian utama diberikan kepada kajian dan pembelajaran bersifat gunaan, kami masih tidak melupakan kajian asas sebagaimana dilakukan UPMB melalui penyelidikan mamalia laut yang sehingga kini mendapat sokongan antarabangsa," katanya.